

TARIKH	25 / 06 / 2014	SEKSYEN	DALAM NEGERI
MUKA SURAT	6	RUANGAN	

### Majlis kawal selia pantau agensi tawar pakej umrah

KUALA LUMPUR 24 Jun - Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan menubuhkan sebuah majlis kawal selia sebagai langkah proaktif kerajaan dalam menangani isu penipuan pakej umrah oleh agensi-agensi yang tidak bertanggungjawab sejak kebelakangan ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, majlis kawal selia tersebut juga akan bertanggungjawab memantau kewujudan mana-mana agensi umrah yang tidak berlesen.

Menurut beliau, majlis tersebut dijangka ditubuhkan dalam masa terdekat dengan kerjasama beberapa pihak termasuk Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia dan Bumiputera Travel and Tour Agents Association of Malaysia (Bumitra).

"Isu penipuan melibatkan pakej umrah ini merupakan satu perkara serius, lebih-lebih lagi ia melibatkan soal agama dan usaha pihak yang ingin mengerjakan umrah.

"Sehubungan itu, kerajaan memandang berat akan masalah yang berlaku dan sentiasa berusaha mencari penyelesaian bagi memastikan isu tersebut dapat dikawal," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Bumitra kali ke-32, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden Bumitra, Mohd. Ayub Hassan; Timbalannya, Ayob Mat Aris, Setiausaha Agung Kehormat Bumitra, Lazman Mold, dan Presiden Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA), Hamzah Rahmat.